



# **Terms & Conditions Governing The Rewards Available Under CIMB Merchant Credit Card**

**TERMS & CONDITIONS GOVERNING THE REWARDS AVAILABLE UNDER CIMB MERCHANT CREDIT CARD**  
**Version : 5 April 2021**

The Rewards available under the **CIMB MERCHANT CREDIT CARD** (“**Merchant Credit Card**”) are established by CIMB BANK BERHAD [197201001799(13491-P)] (“**CIMB**”) in collaboration with the relevant merchants and/or organizations (“**Strategic Merchants**”) and shall be subject to these terms and conditions. These terms and conditions shall be read together with the prevailing CIMB’s Cardholder(s) Terms and Conditions (“**CIMB Cardholder Agreement**”).

All the expressions in these terms and conditions if not specifically defined shall have the same meaning as defined in the CIMB Cardholder Agreement. In the event of any discrepancy or inconsistency between these terms and conditions and those contained in the CIMB Cardholder Agreement, these terms and conditions governing the Rewards shall prevail in so far as they apply to the Merchant Credit Card.

**1. Definitions**

- (a) “**Application Form**” means CIMB’s application form duly completed and submitted to CIMB through the Strategic Merchants to apply for the Merchant Credit Card;
- (b) “**Bonus Points**” means the loyalty and rewards points earned by the Cardholder in respect of expenditure charged to the Merchant Credit Card;
- (c) “**Cardholder(s)**” means the holder(s) of the Merchant Credit Card and includes both Principal and Supplementary Cardholders and their respective heirs, personal representatives and successors-in-title;
- (d) “**Cash Rebate**” means the rebate of cash earned by the Cardholder in respect of expenditure charged to the Merchant Credit Card;
- (e) “**Merchant**” means any retailer or other person, firm or corporation, its employees, servants or agents which agrees to accept or cause its offices, outlets, shops, stores, business premises and locations in Malaysia or elsewhere to accept the Merchant Credit Card when properly presented to allow a Cardholder to make credit card transactions to the Merchant Credit Card;
- (f) “**Merchant Credit Card**” means CIMB Platinum Visa or Mastercard credit card issued by CIMB, which includes Strategic Merchant’s logo or name and/or other trademarks imprinted thereon as may be determined by CIMB;
- (g) “**Principal Cardholder(s)**” means the principal cardholder(s) to which CIMB has issued the Merchant Credit Card;
- (h) “**Programme**” means the programme relating to the Rewards for the Merchant Credit Card set up by CIMB;
- (i) “**Rewards**” means the benefits available under the Merchant Credit Card, subject to these terms and conditions, either in the form of Cash Rebate or Bonus Points as stated in the Application Form; and
- (j) “**Supplementary Cardholder(s)**” means the holder(s) of the supplementary Merchant Credit Card issued by CIMB at the request of the Principal Cardholder.

## **2. Rewards**

2.1 The Rewards are only available to Cardholders whose credit card accounts are current, valid, subsisting and who are not in default of any of the terms and conditions of the CIMB Cardholder Agreement.

2.2 The entitlement of the Rewards or any part of it is as expressly stated in the Application Form.

2.3 The Rewards shall be the percentage of the Cash Rebate or the multiplier of the Bonus Points as stated in the Application Form. CIMB reserves the right to vary the Rewards by giving twenty-one (21) calendar days prior notice to the Cardholder(s).

### **2.4 Treatment of Cash Rebate (*where applicable*)**

2.4.1 The Cash Rebate earned by the Cardholder for each current month will be calculated (rounded down to the nearest Malaysia Ringgit) up till the statement date in respect of the said current month and will be posted to the Cardholder's Merchant Credit Card account in the next month's statement date. CIMB may however vary the date and the frequency of crediting of Cash Rebate into the Cardholder's Merchant Credit Card account by giving twenty-one (21) calendar days prior notice to the Cardholder(s).

2.4.2 The Cash Rebate earned shall first be applied towards the settlement of the interest incurred (if any) which is due to CIMB. In the event the Cash Rebate earned is more than the interest incurred, the remaining Cash Rebate shall be utilised towards the payment of the retail purchase(s) made by the Cardholder using the Merchant Credit Card.

2.4.3. The Cash Rebate earned by the Cardholder for each current month will not be posted to the Cardholder's Merchant Credit Card account in the monthly statement of the subsequent month in the event the Cardholder fails to make the minimum payment due by the due date as stated in the Cardholder's monthly statement for the current month. If any transactions are disputed or alleged to be fraudulent, the Cash Rebate earned on such transactions may be reversed or cancelled by CIMB.

### **2.5 Treatment of Bonus Points (*where applicable*)**

2.5.1. The Bonus Points earned by Cardholders under the Merchant Credit Card shall be governed by the terms and condition of CIMB's Member Rewards Programme ("**CIMB Member Rewards Programme Terms and Conditions**"). The exclusion on retail spending transaction which are not entitled to earn bonus points as set out in **Schedule, Section 1, Part B item 5 of the CIMB Member Rewards Programme Terms and Conditions** however shall not apply.

2.5.2 The Bonus Points earned by the Cardholder for each current month statement will not be awarded to the Cardholder in the event the Cardholder fails to make the minimum payment due by the due date as stated in the Cardholder's previous month statement. If any transactions are disputed or alleged to be fraudulent, the Bonus Points earned on such transactions may be reversed or cancelled by CIMB.

## **3 Other Provisions**

3.1 Upon the Cardholder's activation of the Merchant Credit Card, the Cardholder is deemed to have read, understood and agreed to be bound by the CIMB Cardholder Agreement, CIMB Member Rewards Programme Terms and Conditions, the provisions stated in the Application Form (if any) and these terms and conditions which are made available to the Cardholder at CIMB's premises and/or website and/or any other location as CIMB deems appropriate.

3.2 For the purpose of calculating the Rewards, all Rewards earned in respect of the retail spending transaction in foreign currency made by the Cardholders will be converted to Ringgit Malaysia (RM) in accordance with the terms specified in the CIMB Cardholder Agreement.

3.3 The following transactions are herein expressly **excluded** from the Programme and shall not be entitled to any Rewards: -

- a) Balance Transfer, CashLite, cash deposit, cash advance and cash withdrawal transactions;
- b) Quasi Cash transactions - (example: betting and/or gaming transactions);
- c) Late payment charges, reversals, fraudulent retail transactions and other fees and charges;
- d) Lump sum repayment of the original transaction amount which the Cardholder has previously elected to make repayment of such original transaction by monthly installments under any installment payment facility provided by CIMB or other banks;
- e) Instalment Payment Plan transactions;
- f) Payments to charity under designated Merchant Category Code (MCC) 8398 – Charitable and social service organisations; and
- g) Any government related payments under the designated MCC below: -

9211	Court costs, including alimony and child support
9222	Fines
9223	Bail and bond payments
9311	Tax payments
9399	Government services
9402	Postal services - government only
9405	Intra-Government Purchases - Government only

Any determination by CIMB as to whether a transaction(s) falls within Clause 3.3 (a) to (g) and are excluded from the entitlement to the Rewards shall be final and conclusive save for manifest error.

3.4 The classification of the MCC in respect of each payment transaction is subject to classification by the respective acquiring bank and it is the responsibility of the particular acquiring bank to classify the MCC. CIMB shall not be held responsible for any incorrect classification of the MCC that may result in the non-posting or capturing of the Rewards for transactions at eligible Merchants. The Cardholder shall not be entitled to claim for any compensation against CIMB for such non-posting or capturing of the Rewards due to incorrect classification by the respective Merchant's acquiring bank.

3.5 CIMB reserves the right without having to assign any reason to the Cardholder to suspend the Programme for a definite or indefinite period, vary, cancel and/or terminate the Rewards made available under the Merchant Credit Card upon giving twenty-one (21) calendar days prior notice to the Cardholder(s). Such suspension, variation, cancellation and/or termination shall be effective on the date stipulated in CIMB's notice and shall be communicated to the Cardholder via the communication methods as provided for in the CIMB Cardholder Agreement. The suspension, variation, cancellation and/or termination of the Programme and/or the Rewards granted or made available under the Programme shall not entitle the Cardholder or any other persons whatsoever to any claim or compensation against CIMB for any losses or damages suffered or incurred by the Cardholder as a direct or indirect result of the act of suspension, variation, cancellation and/or termination.

- 3.6 CIMB reserves the right **upon giving twenty-one (21) calendar days prior notice to vary** (whether by addition, deletion, modification, amendment or otherwise howsoever) ("Amendment") any of these terms and conditions. CIMB will notify Cardholders of the Amendment by way of any of the communication methods as provided in the CIMB Cardholder Agreement, for example post, short messaging system (SMS), email and/or any other means of communication as determined by CIMB. It is the Cardholders responsibility to promptly notify CIMB of any change of address, email address, telephone number or other particulars recorded with CIMB.
- 3.7 Cardholders acknowledge and agree to access CIMB's website via [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) regularly to view these terms and conditions, and to ensure that they are kept up-to-date with any changes to these terms and conditions. These terms and conditions shall prevail over any provisions and/or representations contained in any other promotional or advertising materials advertising the Merchant Credit Card.
- 3.8 The Cardholder must report to CIMB of any error, discrepancy or inaccuracy of any kind whatsoever indicated in the billing statement, particularly in relation to the transactions relating to the Rewards earned. In the event that the Cardholder does not within fourteen (14) calendar days from the date of receipt or deemed receipt of the billing statement notify CIMB in writing of any such error, discrepancy or inaccuracy then the Cardholder may not be entitled to have any errors, discrepancy or inaccuracy corrected.



**Terma-Terma & Syarat-Syarat  
Yang Mentadbir Ganjaran Sedia Ada Di  
Bawah Kad Kredit CIMB Merchant**

**TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT YANG MENTADBIR GANJARAN SEDIA ADA DI BAWAH KAD KREDIT  
CIMB MERCHANT**  
**Versi : 5 April 2021**

Ganjaran sedia ada di bawah **KAD KREDIT CIMB Merchant** (“**Kad Kredit Merchant**”) adalah ditawarkan oleh CIMB BANK BERHAD [197201001799(13491-P)] (“**CIMB**”) bersama dengan peniaga dan/atau pertubuhan yang berkenaan (“**Peniaga Strategik**”) dan hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini. Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB semasa (“**Perjanjian Pemegang Kad CIMB**”).

Semua ungkapan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini jika tidak ditakrifkan secara khusus hendaklah mempunyai maksud yang sama sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perjanjian Pemegang Kad CIMB. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terma-terma dan syarat-syarat ini dan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian Pemegang Kad CIMB, terma-terma dan syarat-syarat ini yang mengendalikan Ganjaran hendaklah mengatasi yang lain setakat mana mereka terpakai kepada Kad Kredit Merchant.

**1. Definisi**

- (a) “**Borang Permohonan**” ertinya borang permohonan CIMB yang telah disempurnakan dengan sewajarnya dan dihantar kepada CIMB melalui Peniaga Strategik untuk memohon Kad Kredit Merchant;
- (b) “**Mata Bonus**” ertinya mata kesetiaan dan ganjaran yang diperoleh oleh Pemegang Kad berkenaan dengan perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kad Kredit Merchant;
- (c) “**Pemegang Kad**” ertinya pemegang Kad Kredit Merchant dan termasuk kedua-dua Pemegang Kad Utama dan Tambahan dan waris, wakil diri dan pewaris hakmilik mereka masing-masing;
- (d) “**Rebat Tunai**” ertinya rebat tunai yang diperoleh oleh Pemegang Kad berkenaan dengan perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kad Kredit Merchant;
- (e) “**Peniaga**” ertinya mana-mana peruncit atau orang, firma atau perbadanan lain, pekerja, kakitangan atau ejennya yang bersetuju untuk menerima atau menyebabkan pejabat, outlet, kedai, stor, premis dan lokasi perniagaannya di Malaysia atau tempat lain untuk menerima Kad Kredit Merchant apabila dikemukakan dengan baik untuk membenarkan Pemegang Kad melakukan transaksi kad kredit ke atas Kad Kredit Merchant;
- (f) “**Kad Kredit Merchant**” ertinya kad kredit Platinum Visa atau Mastercard CIMB yang dikeluarkan oleh CIMB yang termasuk logo atau nama Peniaga Strategik dan/atau cap dagang lain yang dicetak di atasnya sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB;
- (g) “**Pemegang Kad Utama**” ertinya pemegang kad utama yang CIMB bagi Kad Kredit Merchant yang dikeluarkan oleh CIMB;
- (h) “**Program**” ertinya program yang berkenaan dengan Ganjaran kepada Kad Kredit Merchant yang ditawarkan oleh CIMB;

- (i) “**Ganjaran**” ertinya faedah sedia ada di bawah Kad Kredit Merchant, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini, sama ada dalam bentuk Rebat Tunai atau Mata Bonus seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan; dan
- (j) “**Pemegang Kad Tambahan**” ertinya pemegang Kad Kredit Merchant tambahan yang dikeluarkan oleh CIMB atas permintaan Pemegang Kad Utama.

## **2. Ganjaran**

2.1 Ganjaran hanya disediakan kepada Pemegang Kad yang mempunyai akaun kad kredit semasa, sah, wujud dan yang tidak memungkiri mana-mana terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Pemegang Kad CIMB.

2.2 Kelayakan Ganjaran atau mana-mana bahagian daripadanya adalah seperti yang dinyatakan secara nyata dalam Borang Permohonan.

2.3 Ganjaran hendaklah merupakan peratusan Rebat Tunai atau pengganda Mata Bonus seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan. CIMB berhak untuk mengubah Ganjaran dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pemegang Kad.

### **2.4 Layanan Rebat Tunai (*jika berkenaan*)**

2.4.1 Rebat Tunai yang diperoleh oleh Pemegang Kad untuk setiap bulan semasa akan dikira (dibundarkan ke bawah ke Ringgit Malaysia yang terdekat) sehingga tarikh penyata berkenaan dengan bulan semasa tersebut dan akan dipaparkan ke akaun Kad Kredit Merchant Pemegang Kad pada tarikh penyata bulan seterusnya. CIMB walau bagaimanapun boleh mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan Rebat Tunai ke dalam akaun Kad Kredit Merchant Pemegang Kad dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pemegang Kad.

2.4.2 Rebat Tunai yang diperoleh hendaklah pertama sekali digunakan untuk penyelesaian faedah yang ditanggung (jika ada) yang kena dibayar kepada CIMB. Sekiranya Rebat Tunai yang diperoleh adalah lebih daripada faedah yang ditanggung, baki Rebat Tunai hendaklah digunakan untuk pembayaran pembelian runcit yang dilakukan oleh Pemegang Kad dengan menggunakan Kad Kredit Merchant.

2.4.3 Rebat Tunai yang diperoleh oleh Pemegang Kad untuk setiap bulan semasa tidak akan dipaparkan ke akaun Kad Kredit Merchant Pemegang Kad dalam penyata bulanan bulan seterusnya sekiranya Pemegang Kad gagal melakukan bayaran minimum yang perlu dibayar pada tarikh matang seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan Pemegang Kad bagi bulan semasa. Sekiranya mana-mana transaksi dipertikaikan atau didakwakan sebagai penipuan, Rebat Tunai yang diperolehi atas transaksi tersebut boleh dibalikkan atau dibatalkan oleh CIMB.

### **2.5 Layanan Mata Bonus (*jika berkenaan*)**

2.5.1 Mata Bonus yang diperoleh oleh Pemegang Kad di bawah Kad Kredit Merchant hendaklah ditadbir oleh terma-terma dan syarat-syarat Program Ganjaran Ahli CIMB (“**Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Ganjaran Ahli CIMB**”). Pengecualian ke atas transaksi perbelanjaan runcit yang tidak layak untuk memperoleh mata bonus seperti yang dinyatakan dalam **Jadual, Seksyen 1, Bahagian B item 5 Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Ganjaran Ahli CIMB** walau bagaimanapun tidak akan terpakai.

2.5.2 Mata Bonus yang diperoleh oleh Pemegang Kad untuk setiap penyata bulan semasa tidak akan dianugerahkan kepada Pemegang Kad sekiranya Pemegang Kad gagal membuat bayaran minima yang perlu dibayar pada tarikh matang seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan sebelumnya Pemegang Kad. Sekiranya mana-mana transaksi dipertikaikan atau didakwakan sebagai penipuan, Mata Bonus yang diperolehi atas transaksi tersebut boleh diterbalikkan atau dibatalkan oleh CIMB.

### **3. Peruntukan-Peruntukan Lain**

- 3.1 Pemegang Kad bersetuju bahawa selepas pengaktifan Kad Kredit Merchant, Pemegang Kad dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Perjanjian Pemegang Kad CIMB, Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Ganjaran Ahli CIMB, peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Borang Permohonan (jika ada) dan terma-terma dan syarat-syarat ini yang boleh didapati di premis dan/atau laman web CIMB dan/atau mana-mana lokasi lain seperti yang difikirkan sesuai oleh CIMB.
- 3.2 Bagi tujuan pengiraan Ganjaran, semua Ganjaran yang diperoleh berkenaan dengan transaksi perbelanjaan runcit dalam mata wang asing yang dilakukan oleh Pemegang Kad akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) menurut terma-terma yang ditentukan dalam Perjanjian Pemegang Kad CIMB.
- 3.3 Transaksi berikut adalah dengan nyata **dikecualikan** di sini daripada Program dan tidak akan berhak untuk sebarang Ganjaran:-
- Pindahan Baki, CashLite, transaksi-transaksi deposit tunai, pendahuluan tunai dan pengeluaran tunai;
  - Transaksi-transaksi Tunai Separa (*Quasi*) - (contoh: transaksi-transaksi perjudian dan/atau pertaruhan);
  - Caj bayaran lewat, pembalikan, transaksi runcit penipuan dan fi dan caj lain;
  - Pembayaran balik sekaligus jumlah transaksi asal di mana Pemegang Kad telah dahulunya memilih untuk membuat pembayaran balik transaksi asal tersebut dengan ansuran bulanan di bawah apa-apa kemudahan bayaran ansuran yang telah dibekalkan oleh CIMB atau bank lain;
  - Transaksi Pelan Pembayaran Ansuran;
  - Bayaran kepada badan amal di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC) 8398 - Perbadanan amal dan perkhidmatan sosial yang ditetapkan; dan
  - Sebarang pembayaran berkaitan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan di bawah:-

9211	Kos mahkamah, termasuk nafkah cerai dan nafkah anak
9222	Denda
9223	Pembayaran ikat jamin dan bon
9311	Pembayaran cukai
9399	Perkhidmatan kerajaan
9402	Perkhidmatan Pos - kerajaan sahaja
9405	Pembelian Antara Kerajaan - Kerajaan sahaja

Sebarang penentuan oleh CIMB sama ada sesuatu transaksi tertakluk kepada Klause 3.3 (a) hingga (g) dan dikecualikan daripada kelayakan Ganjaran hendaklah muktamad dan konklusif, melainkan jika ada kesilapan ketara

- 3.4 Klasifikasi MCC berkenaan dengan setiap transaksi pembayaran adalah tertakluk kepada klasifikasi bank pemeroleh masing-masing dan ia adalah tanggungjawab bank pemeroleh tertentu untuk mengklasifikasikan MCC. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas klasifikasi MCC yang tidak betul yang boleh mengakibatkan dalam kegagalan pemaparan atau perakaman Ganjaran bagi transaksi di Peniaga layak. Pemegang Kad tidak akan berhak untuk menuntut sebarang pampasan daripada CIMB disebabkan oleh kegagalan pemaparan atau perakaman Ganjaran akibat daripada klasifikasi yang salah oleh bank pemeroleh Peniaga masing-masing.
- 3.5 CIMB berhak dan mempunyai budi bicara tanpa keperluan untuk memberikan apa-apa sebab kepada Pemegang Kad untuk menangguhkan Program bagi tempoh yang pasti atau tidak pasti, mengubah, membatal dan/atau menamatkan Ganjaran sedia ada di bawah Kad Kredit Merchant dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pemegang Kad. Penangguhan, pengubahan, pembatalan dan/atau penamatan ini akan berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis CIMB dan CIMB akan memaklumkan perkara ini kepada Pemegang Kad melalui kaedah komunikasi yang dinyatakan dalam Perjanjian Pemegang Kad CIMB. Penangguhan, pengubahan, pembatalan dan/atau penamatan Program dan/atau Ganjaran yang diberikan atau disediakan di bawah Program tidak memberi hak kepada Pemegang Kad atau mana-mana orang sesiapapun terhadap sebarang tuntutan atau ganti rugi daripada CIMB bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang ditanggung oleh Pemegang Kad akibat kesan secara langsung atau tidak langsung atas tindakan penggantungan, pengubahan, pembatalan dan/atau penamatan tersebut.
- 3.6 CIMB berhak **dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender untuk mengubah** (sama ada melalui penambahan, pemotongan, mengubahsuai, pindaan atau selainnya walau bagaimana sekalipun) (“**Pindaan**”) mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini. CIMB akan memaklumkan kepada Pemegang Kad berkenaan dengan Pindaan melalui mana-mana kaedah komunikasi seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Pemegang Kad CIMB sebagai contoh pos, sistem mesej singkat (SMS), e-mel dan/atau sebarang komunikasi lain yang ditentukan oleh CIMB. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memberitahu CIMB secara segera terhadap sebarang perubahan alamat, alamat e-mel, nombor telefon atau butir-butir lain yang direkodkan dengan pihak CIMB.
- 3.7 Pemegang Kad mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB melalui [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) secara kerap untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat ini, dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengetahui dengan sebarang perubahan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini. Terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi sebarang peruntukan dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain yang mengiklankan Kad Kredit Merchant.
- 3.8 Pemegang Kad hendaklah melaporkan kepada CIMB apa-apa kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan apa-apa jua yang dinyatakan dalam penyata bil, terutamanya berkenaan dengan transaksi yang berkaitan dengan Ganjaran yang diperolehi. Sekiranya Pemegang Kad tidak dalam tempoh empat belas (14) hari kalender dari tarikh penerimaan atau dianggap penerimaan penyata, memaklumkan CIMB secara bertulis apa-apa kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan tersebut maka Pemegang Kad mungkin dihalang daripada membuat pembetulan bagi apa-apa kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.